



SIARAN MEDIA

TAWARAN PENGAMBILALIHAN LTAT DALAM BOUSTEAD HOLDINGS MENJADI TIDAK BERSYARAT

Tawaran Dibuka Sehingga 12 Jun 2023

KUALA LUMPUR, 22 MEI 2023 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) berhasrat untuk mengumumkan bahawa tawaran pengambilalihan ke atas Boustead Holdings Berhad (“BHB”) telah menjadi tidak bersyarat selepas berjaya memenuhi syarat sebelum Tarikh Tutup Pertama Tawaran, iaitu pada 22 Mei 2023:

- Kelulusan Bank Negara Malaysia di bawah Seksyen 87(1), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Seksyen 99(1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") yang membenarkan LTAT memperoleh sehingga 100% kepentingan ekuiti dalam BHB yang turut memberikan kesan perubahan kepada kepentingan ekuiti LTAT dalam Kumpulan Affin Bank Berhad

Peraturan Pengambilalihan, Pencantuman dan Pengambilalihan Wajib yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menetapkan bahawa syarat tersebut perlu dipenuhi dalam tempoh 21 hari selepas Tarikh Tutup Pertama.

Pada 17 Mei 2023, LTAT telah memenuhi syarat pegangan 90% untuk menyahsenaraikan saham BHB. Pada masa ini, pegangan saham LTAT di dalam BHB adalah sebanyak 92.5% yang dikumpulkan daripada pemerolehan melalui pasaran terbuka dan penerimaan daripada pemegang saham melalui Tawaran.

Tawaran ini akan dibuka untuk penerimaan sehingga 5.00 petang (waktu Malaysia) pada 12 Jun 2023. Tiada perubahan ke atas butiran lain, terma dan syarat Tawaran seperti yang telah dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)

UNTUK EDARAN SEGERA

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 116,456 pencarum ATM, dengan 110,792 pencarum yang aktif. Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.3 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2022 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri
Pengarah
Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my
No. Tel : +60192180792
Laman web : www.ltat.gov.my